



UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/SELEBRITI BISNES EKSTRA METROTV SUKAN ASIA 2018

Harga gula turun 10 sen







MyMetro > Mutakhir



Siti A'isyah Sukaimi sitiaisyah@nstp.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengumumkan penurunan harga gula bertapis sebanyak 10 sen sekilogram berkuat kuasa 1 September ini.

Menterinya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, dengan penurunan ini, pengguna akan menikmati harga kawalan gula bertapis yang baharu iaitu RM2.85 sekilogram bagi gula pasir kasar dan RM2.95 sekilogram bagi gula pasir halus.

Menurutnya, langkah penurunan harga itu juga selari dengan 'trend' harga gula mentah di pasaran yang semakin menurun.

"Seperti sedia maklum, gula adalah barang kawalan yang dikawal bekalan dan harganya di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan dijual pada harga terkawal.

"Kali terakhir harga kawalan gula bertapis ini disemak pada 1 Mac tahun lalu," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan KPDNHEP di Putrajaya, hari ini.

AGENCY: Harian Metro (Online)

LINK: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/08/371761/harga-gula-turun-10-sen